

## SEMINAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI MPOB (ToT) 2012



Rajah 1. Tan Sri Bernard Dompok, Menteri MPIC semasa berucap ketika majlis perasmian Seminar Pemindahan Teknologi ToT 2012.

### KANDUNGAN

- Seminar Pemindahan Teknologi MPOB (ToT) 2012 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - Pengurusan Air di Tanah Gambut 4
- Kenalilah... Pengelasan Tanah Gambut Baru Tropika di Malaysia 6
- Kuiz Sawit 7
- Sudut Kreatif Sawit 8
- Sembang Sawit 8
- Sedutan Akhbar 9
- Tahukah Anda? 11
- Diari & Peristiwa 15
- Berita Bergambar 16
- Profil Komoditi 18
- Peladang Jaya 20
- Direktori MPOB 22
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 26



Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menganjurkan Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) 2012 pada 14 Jun 2012 di Ibu Pejabat MPOB, Bandar Baru Bangi, Selangor. Seminar sehari ini bertujuan untuk membentangkan teknologi yang dibangunkan oleh penyelidik MPOB tahun 2011/2012 untuk dikomersialkan atau digunakan oleh pihak industri. Antara aktiviti seminar ini adalah pembentangan kertas kerja oleh penyelidik MPOB, pameran teknologi dan inovasi baru untuk dikomersialkan dan konsultansi dua halan antara pegawai penyelidik dan potensi pengguna.

Seminar ini dirasmikan oleh Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Turut hadir ialah Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB, En M. Nagarajan, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB.

Tan Sri Bernard Dompok dalam ucapan perasmian berkata tujuan penganjuran Seminar Pemindahan Teknologi adalah untuk mengetengahkan penemuan terbaru hasil penyelidikan dan pembangunan MPOB dan peluang pengkomersialan teknologi berkaitan sawit bagi menjana pertumbuhan industri sawit negara. Sehingga kini, MPOB telah berjaya memindahkan 500 teknologi kepada pihak industri untuk dikomersialkan dan 30% daripadanya telah berjaya dikomersialkan oleh pihak industri dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.

Bersambung ke muka surat 2



## Sidang Pengarang

PENASIHAT  
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI  
Hj Ahmad Sidek Stroo

TIMBALAN PENERUSI  
Hj Idris Omar

KETUA PENYUNTING  
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING  
Hj Wahid Omar  
Hj Suboh Ismail  
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali  
Dr Ahmad Tarmizi Hashim  
Ab Aziz Md Yusof  
Hj Che Johari Mamat  
Ayatollah Khomeini Ab. Rahman  
Noor Asmawati Abd Samad

SETIAUSAHA  
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

Seminar ToT 2011 telah memperkenalkan 27 teknologi baru dan 13 perkhidmatan untuk diguna pakai dan dikomersialkan oleh pihak industri dan usahawan yang berminat. Antaranya: Amalan pengurusan terbaik penanaman sawit di tanah gambut: *Mucuna bracteata* sebagai tanaman kekacang penutup bumi; Pengesanan infestasi ulat bungkus dalam perladangan sawit; *Beluga*: Jentera pengangkut bertrek untuk aktiviti di kawasan tanah gambut; Jentera memungut buah sawit relai; Kawalan biologi penyakit *Ganoderma* untuk pokok sawit; Sistem Maklumat Biakbaka (MPOB-BIS); Pengeluaran papan berketumpatan sederhana (MDF) daripada pelepah sawit dan campurannya; Aerosol-serangga perosak berasaskan bahan sawit; Poliuretana hijau sebagai produk hiasan; Sistem pengurusan kos bagi estet sawit (ECOMAS); Penghasilan arang teraktif dan asid piroligneus (cuka kayu) daripada biojisim sawit; *BeCare* (minuman olein merah) protein sawit daripada dedak isirung sawit dan sebagainya.

Bersambung ke muka surat 3



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Kerajaan mempunyai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan ekonomi mampan. Selaras dengan matlamat tersebut, industri sawit telah dipilih untuk dijadikan sektor yang lebih dinamik dan kompetitif pada masa kini dan akan datang melalui proses transformasi. Sedar atau tidak, bagi sektor komoditi sawit, ia telah dan sedang pun berlaku. Strategi utama adalah untuk meningkatkan pengeluaran produk serta nilai tambah berasaskan komoditi dan seterusnya meningkatkan pendapatan pengusaha serta usahawan yang terlibat.

Salah satu kaedah MPOB memperkenalkan dan memindahkan hasil penyelidikan para penyelidikannya kepada masyarakat ialah melalui Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) yang diadakan setiap tahun. Sehingga 2011, sebanyak 500 teknologi dan 106 perkhidmatan merangkumi pelbagai bidang telah diperkenalkan. Daripada jumlah tersebut, 30% daripadanya telah dikomersial dan diguna pakai. Bagi 2012 pula, sebanyak 27 teknologi terbaru serta 13 perkhidmatan telah dihasilkan semasa penganjuran ToT 2012 pada 14 Jun 2012 yang lalu.

Bagi golongan pekebun kecil sawit, penyampaian dan penerimaan teknologi berkaitan akan terus dibantu melalui bimbingan pegawai TUNAS di seluruh negara. Selain itu, pekebun kecil sentiasa digalakkan serta dibimbing agar mengamalkan teknologi dan Amalan Pertanian Baik terutama dalam aspek penyediaan kawasan, pembajaan, kawalan rumpai, perosak dan penyakit serta penyediaan rekod ladang. Amalan penuaian yang betul juga amat diberi tumpuan. Selain memastikan semua tandan tuaian mesti berkeadaan masak dan tiada lagi tandan muda dituai sebagai usaha memperbaiki kadar perahan minyak, peralihan kaedah penuaian menggunakan pemotong sawit bermotor, *Cantas* juga diterapkan di kalangan pekebun kecil.

MPOB sentiasa membantu peladang dan pekebun kecil meningkatkan penglibatan mereka dalam cabang ekonomi yang lebih menguntungkan di samping menggalakkan mereka mengguna pakai teknologi terkini MPOB dalam mengurus tanaman sawit mereka. Semua usaha ini bertujuan untuk membantu mereka memiliki masa depan yang lebih baik. Pembangunan modal insan menerusi transformasi akan menjadikan pekebun kecil berilmu seterusnya dapat membantu mereka dan negara memperoleh pencapaian lebih gemilang.

*Sambungan dari muka surat 2*

Tan Sri Bernard Dompok memberitahu bahawa, teknologi berasaskan sawit yang dilancarkan mempunyai prospek yang cerah kerana potensi ekonominya yang tinggi dari segi saiz pasaran, sumber bekalan bahan mentah yang banyak, kepelbagaian produk berasaskan sawit, penyelidikan dan pembangunan serta sokongan teknikal yang berterusan daripada MPOB. Selain daripada pemindahan teknologi secara langsung kepada industri, penglibatan syarikat tempatan dalam pengkomersialan teknologi ini akan merangsang pembangunan industri sawit dan ekonomi negara. Selain itu, Seminar ini juga dapat menggalakkan penglibatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan sektor swasta memanfaatkan teknologi melalui pengkomersialan.

MPOB turut melancarkan produk baru iaitu hiasan poliuretana dengan menggunakan polioliol berasaskan sawit. Polioliol berasaskan sawit ini dihasilkan dengan menggunakan teknologi

lasak terhadap cuaca, boleh dicat dan dibentuk mengikut kehendak pengguna. Lebih daripada 25% daripada bahan mentah yang digunakan adalah berasaskan bahan semulajadi yang boleh diperbaharui.

Selain itu, teknologi MPOB lain yang turut dilancarkan pada Seminar ini ialah produk hasil kerjasama dengan All Cosmos Industries Sdn Bhd iaitu Biobaja *Hendersonia* GanoEF. Produk ini mengandungi kulat *Hendersonia* Gano EF yang dimasukkan ke dalam baja organik dan bukan organik sebagai formula untuk pencegahan kulat *Ganoderma*, kesuburan tanah, pertumbuhan vegetatif dan hasil pengeluaran yang lebih baik.

Pada majlis ini juga, MPOB telah melancarkan buku: *Palm Secret for Beauty* dan *Termites of Oil Palm in Malaysia: Identification and Management*. Sebanyak lima memorandum persefahaman untuk kerjasama dan pengkomersialan telah ditandatangani dengan syarikat berikut iaitu:

- Bioscience Environmental Health (M) Sdn Bhd untuk teknologi *Palm oil-based microemulsions as aerosol insecticides*;



Rajah 2. Tan Sri Bernard Dompok, Menteri MPIC (dua dari kiri) sedang mendengar penerangan daripada Pegawai Penyelidik MPOB (kiri) semasa melawat gerai pameran Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2012. Turut kelihatan Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB, (tiga dari kiri), Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB (kanan) dan Dr Ahmad Kushairi Din, Timbalan Ketua Pengarah MPOB (R&D) (dua dari kanan).

yang telah dipatenkan oleh MPOB. Berbanding dengan produk hiasan yang lain, produk hiasan poliuretana adalah ringan, mudah dipasang, memerlukan tenaga kerja dan penjagaan yang minimum, tidak membahayakan kesihatan, tiada risiko serangan anai-anai dan kulat, tahan

- Malaysian Agri Hi-Tech Sdn Bhd untuk *Commercialisation of Bacillus thuringiensis products Ecobac-1 (EC) and Bafog-1 (S) from MPOB Bt1*;

*Bersambung ke muka surat 10*

## SUDUT TEKNOLOGI

### PENGURUSAN AIR DI TANAH GAMBUT

Keluasan tanah gambut di Malaysia dianggarkan sebanyak 2.6 juta hektar, meliputi 8% dari jumlah keluasan tanah Malaysia. Peningkatan minat penanaman baru sawit dalam situasi kekurangan tanah yang sesuai menyebabkan sawit ditanam di tanah marginal terutama tanah gambut. Sehingga 2009, hampir 25% kawasan tanah gambut telah dibangunkan dengan tanaman sawit. Penyelidikan dan pembangunan oleh pelbagai pihak telah mengenal pasti banyak teknologi yang sesuai bagi meningkatkan pengeluaran hasil sawit di tanah gambut terutama di tanah gambut dalam. Salah satu daripada teknologi tersebut ialah pengurusan air di ladang sawit.

Secara semulajadi, kawasan tanah gambut sememangnya ditenggelami air. Sistem rangkaian parit ladang dan pengurusan air ladang merupakan kunci kepada kejayaan pengurusan air di tanah gambut. Objektif pengurusan air ladang ialah:

- Mengawal air ladang berada di paras optimum bagi pertumbuhan dan penghasilan sawit maksimum;


- Menyalir keluar air berlebihan dalam ladang bagi mengelakkan kejadian banjir dan air bertakung bagi tempoh yang lama;
- Mengurangkan susutan gambut dan pelepasan gas karbon dioksida;
- Mengelakkan berlaku pengeringan tidak berbalik gambut; dan
- Mengurangkan risiko kebakaran gambut.

#### Sistem Rangkaian Parit Ladang

Penyediaan sistem rangkaian parit ladang perlu mematuhi perkara berikut:

- Reka bentuk sistem perparitan perlu menyediakan ruang laluan jentera seperti jengkaut bagi kerja membersihkan parit;
- Intensiti parit ladang perlu mengambil kira faktor tahap penguraian gambut;
- Pembinaan pintu air perlu mengambil kira faktor topografi tanah gambut;
- Mengukur paras air ladang secara berterusan di parit pengumpul dan dalam ladang menggunakan alat *piezometer*; dan
- Sistem parit ladang perlu berupaya menyalir keluar air dalam ladang bagi mengelakkan air bertakung bagi tempoh lama.

Sistem rangkaian parit ladang terdiri dari parit utama, parit pengumpul dan parit ladang dengan intensiti masing-masing 10-15, 30-40 dan 150-300 m/ha. Kerja membersihkan parit ladang perlu dijalankan bagi memasti-



Rajah 1. Sistem rangkaian parit ladang yang terdiri dari (a) parit ladang; (b) parit pengumpul; (c) parit utama; (d) pintu air; (e) kayu penyukat paras air parit pengumpul dan (f) piezometer bagi menyukat paras air dalam ladang.

*Sumbangan dari muka surat 4*

kan ia sentiasa berfungsi dengan baik. Bagi mengawal paras air ladang, pintu air perlu dibina di sepanjang parit pengumpul bagi setiap penurunan 20 cm paras air. Pemasangan kayu penyukat paras air diperlukan bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan sistem parit ladang yang berkesan. Semasa musim hujan, pintu air perlu dibuka sepenuhnya bagi tujuan menyalir keluar air ladang yang lama bertakung.

### Paras Air Ladang Optimum

Pada peringkat pembangunan ladang, air ladang dikawal pada paras 90-100 cm dari paras permukaan tanah. Paras air rendah penting supaya kerja pemadatan tanah dapat dijalankan dengan sempurna. Pada tempoh dua tahun pertama selepas penyaliran, susutan gambut sebanyak 60 cm dicatatkan yang sebahagian besarnya disebabkan oleh proses pemadatan gambut.

Kajian terdahulu mengesyorkan bahawa bagi mendapatkan pertumbuhan dan hasil maksimum sawit di tanah gambut, air ladang perlu dikawal pada paras 50-70 cm dari permukaan. Paras air ladang yang disyorkan ini boleh menyebabkan peningkatan kadar susutan gambut dan seterusnya pelepasan gas

karbon dioksida yang berlebihan. Kajian di Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Sarawak menunjukkan bahawa air ladang yang dikawal pada paras yang lebih tinggi iaitu 30-60 cm dari permukaan bergantung kepada umur pokok juga memberikan pertumbuhan dan penghasilan tanaman sawit yang baik.

Maklumat hidrologi dan sifat kelembapan tanah gambut adalah penting bagi merangka dan menyediakan sistem parit ladang yang cekap. Keputusan kajian menunjukkan bahawa isipadu air tersedia bagi tanaman di tanah gambut adalah sangat rendah. Isipadu kelembapan tanah gambut pada tahap kelayuan kekal adalah tinggi iaitu 50%-60%. Ini menggambarkan bahawa isipadu air tersedia di tanah gambut adalah rendah walaupun ia kelihatan lembap. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa di tanah gambut, sumber air tanah adalah sangat penting bagi keperluan tanaman terutamanya di musim kering. Kajian juga menunjukkan bahawa paras air tanah dalam ladang sangat bergantung kepada intensiti parit ladang dan tahap penguraian gambut. Bagi mendapatkan paras air tanah dalam ladang yang sekata, pembinaan parit ladang setiap empat baris pokok diperlukan di kawasan gambut saprik manakala di tanah gambut fibrik adalah setiap lapan baris pokok (*Jadual 1*).

**JADUAL 1. SYOR PARAS AIR LADANG OPTIMUM BAGI PENANAMAN SAWIT DI TANAH GAMBUT**

Peringkat umur pokok	Paras air ladang (cm dari permukaan)	
	Dalam ladang	Parit pengumpul
Muda (1-3 tahun)	30 - 40	35 - 45
Matang muda (4-7 tahun)	40 - 50	45 - 55
Matang (lebih 8 tahun)	50 - 60	60 - 70



Sumbangan:  
Hasnol Othman  
(hasnol@mpob.gov.my)



Gambar menunjukkan kawasan tanah gambut yang ditanam dengan sawit.

Tanah gambut dikategorikan sebagai tanah marginal atau tanah bermasalah. Dianggarkan terdapat 2.43 juta hektar kawasan gambut, iaitu 8% daripada jumlah keseluruhan keluasan tanah di Malaysia. Sarawak merupakan negeri yang mempunyai tanah gambut terluas iaitu 1.59 juta hektar. Tanah gambut biasanya terdapat di kawasan lembah atau paya yang terendam dan terletak di antara dataran tanah pantai dengan kawasan tanah bukit dan juga di antara bukit.

Pemetaan dan pengelasan tanah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak berbeza daripada segi metodologi, definisi dan klasifikasi. Keadaan ini menyukarkan perpindahan agro-teknologi berkaitan tanah gambut di antara ketiga-tiga kawasan tersebut. Menyedari masalah ini, MPOB dengan kerjasama ahli siasatan tanah daripada agensi kerajaan dan syarikat swasta telah membangunkan sistem pengelasan seragam untuk tanah gambut yang boleh diguna pakai di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tanah gambut terbentuk daripada pereputan bahan organik seperti daun, ranting dan kayu yang berlaku secara perlahan. Kandungan bahan organik dalam tanah gambut biasanya melebihi 65% daripada jumlah berat tanah dengan ketebalan lapisan organik melebihi 50 cm. Kedalaman tanah gambut berbeza mengikut kawasan dan kebiasaannya, tanah gambut berhampiran dengan pinggir bukit lebih cetek berbanding di bahagian tengah kawasan. Tanah gambut biasanya terbentuk di atas permukaan dasar lempung atau pasir.

Terdapat lima jenis bahan organik tanah yang biasanya membentuk tanah gambut bergantung kepada asal-usul dan kadar pereputan bahan organik, selain daripada bahan kayu (diameter lebih 2 cm) iaitu:

- i) Lumut - biasanya ditemui di kawasan tanah tinggi di kawasan tropika.
- ii) Fiber atau gentian - kepingan tisu tumbuhan dalam bahan organik tanah (tidak termasuk akar hidup).
- iii) Bahan fibrik.

- iv) Bahan hemik.
- v) Bahan saprik.

Berdasarkan kedalaman tanah gambut, ia telah dikelaskan daripada tiga kepada empat kumpulan baru iaitu:

- |                            |              |
|----------------------------|--------------|
| i) Gambut cetek            | 50 - 100 cm  |
| ii) Gambut sederhana dalam | 100 - 150 cm |
| iii) Gambut dalam          | 150 - 300 cm |
| iv) Gambut sangat dalam    | > 300 cm     |



Pengelasan tanah gambut untuk siri Penor.

Secara kimianya, tanah gambut bersifat masam (pH <3.5). Terdapat juga tanah gambut yang mengandungi lapisan sulfurik di bawah permukaan tanah. Secara semula jadi, tanah gambut mempunyai status kandungan nutrien makro (N, P, K dan Mg) dan mikro (Cu, Zn, dan B) yang rendah. Dari segi fizikal pula, kebiasaannya paras air di kawasan tanah gambut adalah tinggi. Ini boleh menghadkan proses pereputan bahan organik kerana kurang pengudaraan dan boleh memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan pokok. Kepadatan tanah gambut rendah kerana sifat keronggaannya yang tinggi. Keadaan ini boleh menyebabkan pokok condong dan seterusnya tumbang kerana akar tidak dapat memegang tanah dengan kuat. Batang kayu yang biasanya terdapat di kawasan tanah gambut sama ada di permukaan atau terbenam akan menimbulkan masalah dalam kerja pembangunan dan pengurusan tanah gambut.

Dengan adanya sistem pengelasan tanah gambut yang seragam di Semenanjung, Sabah dan Sarawak akan memudahkan dan meningkatkan keberkesanan kerja siasatan tanah gambut, pemindahan agro-teknologi, pengurusan dan pemuliharaan tanah gambut di ketiga-tiga wilayah tersebut.



Sumbangan:  
Nur Hanani Mansor  
(nurhanani@mpob.gov.my)

## ????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat penyertaan

- Terbuka kepada semua pembaca *Warta Sawit* kecuali warga kerja dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau komputer;
- Tarikh tutup penyertaan pada **31 Disember 2012**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas dan lengkap kepada:

Kuiz Warta Sawit  
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
u/p: Unit Pengembangan dan Latihan  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

**JANGAN  
LEPASKAN  
PELUANG  
MEMENANGI  
RM100**

1. Nyatakan lima strategi yang telah digariskan untuk mencapai sasaran dalam pelaksanaan EPP4 (Projek Permulaan atau *Entry Point-Project*) bagi meningkatkan kadar perahan minyak (OER).
2. Bagaimana bakteria endofit bertindak dalam merencatkan pertumbuhan kulat *Ganoderma* pada pokok sawit?
3. Apakah fungsi vermikulit yang terdapat dalam formulasi serbuk *Pseudomonas* GanoEB3?
4. Apakah tujuan Kod Amalan Baik MPOB diwujudkan?
5. Apakah nama jentera yang digunakan oleh Haji Kajim Chi untuk memudahkan kerja-kerja penuaiannya?

**\*DAPATKAN JAWAPAN UNTUK SOALAN KUIZ BERDASARKAN ARTIKEL  
DALAM WARTA SAWIT BIL. 50 (1)/JANUARI-APRIL 2012.**



## PASTRI - ALMOND NIB



### Bahan

#### Pastrri

- 425 g tepung gandum
- 150 g marjerin berasaskan minyak sawit
- 150 g gula aising
- 1 biji telur (55 g)

#### Inti

- 40 g tepung gandum
- 2 g serbuk penaik
- 70 g badam yang telah dikisar
- 30 g badam cincang
- 30 g kismis
- 40 g marjerin berasaskan minyak sawit
- 40 g mentega
- 2 biji telur
- 40 ml susu (UHT)
- 80 g gula halus

#### Hiasan

- Hirisan badam

Bersambung ke muka surat 25

### PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar bahan sumbangan bagi Sudut Kreatif Sawit. Bahan sumbangan boleh meliputi resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar bersama keterangan yang lengkap. Pembaca juga hendaklah menyertakan nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Sumbangan yang terpilih dan tersiar dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

#### Sudut Kreatif Warta Sawit

Ibu pejabat MPOB, Peti surat 10620


50720 Kuala Lumpur

u.p: Anizah Othman

Unit Pengembangan dan Latihan,

Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

# SEMBANG SAWIT



# SEDUTAN AKHBAR

**Tajuk : CoPN PERLU PASTI KUALITI BENIH**

**Tarikh : Berita Harian, 17 Mei 2012**

Jerantut - Semua pengusaha tapak semeaian berlesen di seluruh negara diwajibkan melaksanakan Kod Amalan Baik Tapak Semaian untuk Tapak Semaian Sawit (CoPN) bagi memastikan pengeluaran anak benih sawit yang berkualiti tinggi.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin berkata semua pengusaha tapak semeaian perlu memahirkkan diri dengan garis panduan yang ditetapkan.

Katanya, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mewajibkan semua pengusaha mematuhi amalan itu bagi memastikan pengetahuan buah sawit meningkat manakala produk sawit negara terus diyakini.

Anak sawit berkualiti dan bermutu tinggi penting dalam memberikan pulangan hasil buah tandan segar (BTS) dan perahan minyak (OER) yang tinggi," katanya.

**Tajuk : INDUSTRI SAWIT PACU EKONOMI BERPENDAPATAN TINGGI**

**Tarikh : Utusan Sarawak, 7 Julai 2012**

Kuala Lumpur - Kerajaan mengenal pasti industri sawit sebagai antara sektor utama bagi menjana ekonomi Malaysia ke arah negara yang berpendapatan tinggi pada tahun 2020, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Beliau berkata pembangunan pesat industri sawit telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan pembangunan sosioekonomi luar bandar serta menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih satu juta penduduk yang terlibat dalam semua sektor industri sawit.

"Keluasan kawasan penanaman sawit negara yang telah menjangkau lima juta hektar yang merangkumi lebih 70% kawasan pertanian negara, telah melonjakkan sektor komoditi sawit sebagai tunggak sektor pertanian negara.

"Dengan pengeluaran minyak sawit mentah sebanyak 18.91 juta tan dan peningkatan eksport produk sawit kepada 24.27 juta tan, industri sawit telah menjana pendapatan eksport sebanyak RM 83.4 bilion pada tahun 2011," katanya.

**Tajuk : PEKEBUN KECIL DISARAN AMAL PENSIJILAN MAMPAN**

**Tarikh : Berita Harian, 4 Ogos 2012**

Ranau - Pekebun kecil sawit diseru membabitkan diri dengan mengamalkan 27 kriteria amalan pertanian baik bagi melayakkan mereka mendapat sijil Amalan Pertanian Baik MPOB (GAP).

Pengamalan amalan baik pertanian oleh pekebun kecil dalam penanaman sawit akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan mereka sekali gus memastikan industri sawit terus berdaya saing.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian sewaktu berucap pada perasmian Kempen Pensijilan Kebun Kecil Sawit Daerah Ranau, di sini baru-baru ini.

"Sejajar keperluan mencapai objektif pengeluaran minyak sawit mampan, Kementerian mengadakan kempen secara berterusan bagi pensijilan kepada pekebun kecil."

Sambungan dari muka surat 9

**Tajuk : 270 000 JAWATAN KOSONG DI SEKTOR PERLADANGAN**

**Tarikh : Utusan Borneo, 15 Ogos 2012**

Kota Kinabalu - Sebanyak 270 000 kekosongan pekerjaan dalam industri perladangan perlu diisi oleh pekerja tempatan di negara ini bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, masa depan sektor perladangan mesti bergantung kepada pekerja mahir dari dalam negara ini sendiri.

Inilah salah satu sebab penubuhan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) untuk memenuhi keperluan pekerja bagi industri perladangan.

“Bila mula-mula saya berada dalam Kementerian, saya mahu melihat macam mana kita dapat kurangkan kebergantungan pekerja asing terutama sekali di tempat yang kita boleh melatih orang dalam melahirkan pekerja mahir.”

“Jumlah populasi pekerja di sektor perladangan ialah seramai 922 328 orang di mana pekerja tempatan hanya 208 565 orang dan pekerja asing seramai 437 731 orang pada tahun 2011” katanya.

Katanya lagi, masih ada kekurangan pekerja seramai 270 000 dalam industri ini dan banyak permintaan telah dikemukakan kepada kerajaan.

**Tajuk : SASAR TINGKAT INDUSTRI BIOMAS RM258 JUTA**

**Tarikh : Berita Harian, 31 Ogos 2012**

Kuala Lumpur - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi mensasarkan untuk meningkatkan sumbangan industri biomas negara kepada RM 258 juta menjelang 2020 daripada kira-kira RM 100 juta kini.

Sasaran itu yakin dicapai menerusi pembangunan dan penghasilan lebih banyak produk berasaskan sisa biomas sawit yang berpotensi dikomersialkan.

Timbalan Menterinya, Datuk Hamzah Zainuddin, berkata sisa biomas yang sebelum ini kurang diberi perhatian berpotensi dijadikan produk bernilai tinggi untuk kegunaan tempatan dan eksport dan kerajaan kini serius untuk menjadikannya sebagai satu daripada industri yang mampu menghasilkan pulangan yang lumayan.

Beliau berkata, untuk merealisasikan matlamat itu lebih banyak usaha sedang dijalankan termasuk mewujudkan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi membuat penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk penghasilan produk berasaskan biomas.

Sambungan dari muka surat 3

- FELCRA Processing and Engineering Sdn Bhd untuk teknologi *Palm-based santan*;
- PU Profile Sdn Bhd dan I-Nai Green Sdn Bhd untuk teknologi *The production of palm-based PU ornamental products*; dan
- Mizou Holdings Sdn Bhd untuk teknologi *Small vehicle for field operation on peat area*.

Bersempena dengan Seminar ini juga, satu pameran telah diadakan untuk memperkenalkan teknologi dan produk baru kepada peserta Seminar. Ini membolehkan para peserta mengenali teknologi MPOB dengan lebih dekat di samping dapat berinteraksi dengan para penyelidik MPOB.



Sumbangan:

Suraya Mohamad

(haz\_suraya@mpob.gov.my) dan

Hjh. Sakinah Che Embi

(sakinah@mpob.gov.my)



## KAEDAH PENGIRAAN HARGA BTS

Harga merupakan faktor terpenting dalam menentukan keuntungan sesuatu perusahaan. Bagi perusahaan sawit, harga sawit yang tinggi dengan kos pengeluaran yang kompetitif ketika ini telah menjadikannya sebagai satu perusahaan yang mampu menghasilkan pulangan yang lumayan. Tetapi tahukah anda bagaimana harga buah tandan segar (BTS) ditentukan? Pengiraan harga BTS dipengaruhi oleh faktor berikut:

- (i) Harga pasaran minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (IR). Harga MSM dan IR berbeza mengikut wilayah disebabkan oleh kuasa pasaran yang ditentukan oleh penawaran dan permintaan terhadapnya;
- (ii) Perbezaan potongan kos yang terlibat di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak seperti kos pemprosesan, cukai jualan dan sebagainya; dan
- (iii) Kualiti BTS yang dijual.

Manakala harga BTS yang dihebahkan oleh MPOB adalah berasaskan harga di pintu kilang. Harga BTS ini tidak termasuk upah mengangkut dan kos hantaran BTS dari ladang ke kilang buah. Pengiraan harga panduan BTS yang dikeluarkan oleh MPOB juga tidak mengambil kira:

- (i) Nilai minyak keladak (*sludge oil*).
- (ii) Nilai isirung tempurung (*kernel shell*).
- (iii) Nilai buah tandan kosong (*empty fruit bunch*).

### Pengiraan Harga Panduan BTS MPOB

Formula pengiraan harga BTS bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah berbeza disebabkan oleh faktor tertentu bagi wilayah tersebut. Berikut merupakan formula pengiraan harga BTS mengikut wilayah:

**JADUAL 1. FORMULA PENGIRAAN HARGA BTS MENGIKUT WILAYAH**

Wilayah	Formula
Semenanjung Malaysia	$[(HMSM - S - KHMSM) \times OER] + [(HIR) \times KER] - KP$
Sabah	$[(HMSM - S - KHMSM - CJ) \times OER] + [(HIR - KHIR) \times KER] - KP$
Sarawak	$[(HMSM - S - KHMSM - CJ) \times OER] + [(HIR - KHIR - CJ) \times KER] - KP$

Di mana:

- HMSM = Harga minyak sawit mentah (hantaran tempatan)  
 HIR = Harga isirung sawit (di pintu kilang)  
 S = Ses MPOB  
 KHMSM = Kos hantaran minyak sawit mentah kepada pembeli  
 KP = Kos pemprosesan kilang buah sawit  
 OER = Kadar perahan minyak yang digred  
 KER = Kadar perolehan isirung sawit  
 KHIR = Kos hantaran tempatan isirung sawit  
 CJ = Cukai jualan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri di Sabah/Sarawak

### Contoh Pengiraan Harga Panduan BTS MPOB

Berikut merupakan kaedah pengiraan harga panduan BTS MPOB mengikut wilayah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak:

*Bersambung ke muka surat 12*

Sambungan dari muka surat 11

**JADUAL 2. CONTOH PENGIRAAN HARGA BTS MENGIKUT WILAYAH  
PADA 30 MEI 2012 (RM)**

Butiran	Semenanjung	Sabah	Sarawak
<b>Harga Kasar MSM (hantaran tempatan)</b>	<b>3 111.00</b>	<b>3 030.00</b>	<b>3 040.00</b>
Tolak (-)			
Ses:			
- Penyelidikan dan pembangunan (R&D)	7.00	7.00	7.00
- Perkhidmatan	2.00	2.00	2.00
- Promosi dan publisiti	2.00	2.00	2.00
- Skim Penstabilan Harga	2.00	2.00	2.00
Kos Hantaran MSM	30.00	35.50	35.50
Cukai Jualan:			
• 7.5% (RM 2 800.00 x 0.075)	TB	210.00	TB
• 5.0% (RM 2 827.00 x 0.050)	TB	TB	141.35
<b>Harga Bersih MSM (di pintu kilang)</b>	<b>2 829.00</b>	<b>2 541.50</b>	<b>2 637.15</b>
Nilai BTS dari MSM (Berdasarkan Gred B)			
• OER 19% (RM 2 829.00 x 0.19)	565.80	TB	TB
• OER 21% (RM 2 541.00 x 0.21)	TB	559.13	TB
• OER 21% (RM 2 637.15 x 0.21)	TB	TB	580.17
<b>Harga Isirung Sawit (di pintu kilang)</b>	<b>1 578.00</b>	<b>1 533.00</b>	<b>1 528.00</b>
Tolak (-)			
Kos hantaran tempatan	TB	20.00	25.00
Cukai jualan (ke atas harga CPKO)*	TB	TB	65.20
<b>Harga Bersih Isirung (di pintu kilang)</b>	<b>1 578.00</b>	<b>1 513.00</b>	<b>1 437.00</b>
Nilai BTS dari PK			
• KER 5.0% (RM 1 578.00 x 0.050)	78.90	TB	TB
• KER 4.5% (RM 1 513.00 x 0.045)	TB	68.09	TB
• KER 4.5% (RM 1 437.00 x 0.045)	TB	TB	64.70
<b>Jumlah Nilai BTS</b>	<b>644.70</b>	<b>627.22</b>	<b>644.87</b>
Tolak (-)			
Kos Pemprosesan	40.00	43.50	43.50
<b>HARGA BTS (SETAN)</b>	<b>604.70</b>	<b>583.72</b>	<b>601.37</b>

Nota: TB = Tidak berkenaan.

\*Harga CPKO pada 31 Ogos adalah RM 2 997.50 / tan = (RM 2 997.50 x 0.05 x 0.435).

Semenjak Mac 2009, pemilik estet sawit (melebihi 100 ekar/40.6 ha) turut dikenakan cukai langsung yang dikenali sebagai Levi Keuntungan Luar Biasa (*windfall profit levy*) dan dibayar terus kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Bagi pekebun kecil sawit dan peneroka (kurang 100 ekar/40.6 ha) mereka Formula pengiraan cukai ini adalah seperti berikut:

$$[ (\text{Purata Bulanan Harga MSM Malaysia} - \text{Harga Ambang}) \times \text{Kadar Cukai} ] \times \text{Pengeluaran BTS}$$

Bagi Semenanjung Malaysia, harga ambang (*threshold*) dan kadar cukainya masing-

masing telah ditetapkan pada RM 2500 dan 3%. Manakala bagi Wilayah Sabah dan Sarawak pula harga ambang dan kadar cukainya masing-masing telah ditetapkan pada RM 3000 dan 1.5%. Contoh pengiraan Levi Keuntungan Luar Biasa berdasarkan purata harga bulanan MSM Malaysia pada Ogos 2012 adalah seperti berikut:

- (i) Semenanjung Malaysia  
 = (RM 2 805.50 – RM 2500.00) x 3%  
 = RM 9.17 bagi setiap tan BTS yang dikeluarkan pada Ogos 2012.

Bersambung ke muka surat 13

*Sambungan dari muka surat 12*

- (ii) Sabah/Sarawak  
 = (RM 2 805.50 – RM 3000.00) × 1.5%  
 = RM 0.00 (tiada dikenakan Levi  
 Keuntungan Luar Biasa).

Sebagai kesimpulan, harga panduan BTS MPOB adalah berasaskan kepada harga pasaran minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit

(IR) yang dilaporkan oleh pihak industri kepada MPOB. Harga panduan BTS MPOB hanyalah sebagai rujukan kepada peserta industri dalam melaksanakan aktiviti mereka. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa harga panduan BTS MPOB bukanlah merupakan harga yang ditetapkan oleh MPOB.



*Sumbangan:*  
 Ayatollah K. Ab Rahman  
 (ayat@mpob.gov.my)

## JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 50 (1)/ JANUARI-APRIL 2012

1. Terdapat lapan Projek Permulaan. Peningkatan GNI sebanyak RM 178 bilion dan mewujudkan 123 000 peluang pekerjaan menjelang 2020.
2. Ulat bungkus jantan akan melekat pada gam pelekat apabila ia tertarik dengan feromon asli yang dikeluarkan oleh ulat bungkus betina yang diletakkan di perangkap lekat.
3. 30 perangkap lekat untuk keluasan satu hektar.
4. Jawapan:
  - i. Berkesan dalam menyuburkan tanah.
  - ii. Menggalakkan pertumbuhan dan meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil tanaman.
  - iii. Kapasiti pegangan air yang tinggi dan pelepasan nutrien yang berkesan.
  - iv. Nisbah C:N yang optimum.
5. Jawapan:
  - i. Menuai tandan masak. Panduan tandan masak apabila 1 hingga 5 biji buah telah jatuh daripada sesuatu tandan.
  - ii. Pusingan menuai dilakukan antara 9 hingga 12 hari sekali.
  - iii. Semua buah relai dikutip dan dihantar ke kilang dalam tempoh kurang dari 24 jam.

# IKLAN

**M**POB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Nur Hanani Mansor**  
(Tel: 03-8769 4257)  
nurhanani@mpob.gov.my

atau


**Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin**  
(Tel: 03-8769 4650)  
shuhadah@mpob.gov.my

Faks: 03-8925 9642

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bil.	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
53/2013	Jan – Apr 2013	15 April 2013
54/2013	Mei – Ogos 2013	30 Ogos 2013
55/2013	Sep – Dis 2013	31 Nov 2013

## Slip Tempahan

 Ketua Pengarah MPOB  
6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor  
**U/P: Nur Hanani Mansor – Unit Pengembangan dan Latihan**  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM 800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM 1920
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1000	<input type="checkbox"/> RM 2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

# DIARI & PERISTIWA

## MEI-OGOS 2012

Program	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
<b>Taklimat Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Diskaun Cantas (SKIDIC)</b>	3/5/2012	Rh. Meringgai, Sg Liok, Balingian, Sarawak	50
	8/5/2012	Rh. Dok, Miri, Sarawak	25
	14-15/5/2012	Seminar PILIPS 2012, Kuala Lumpur	200
	17/5/2012	Dewan Serbaguna Kg Bohor Baru, Bera, Pahang	308 11
	24/5/2012	Kediaman En Yahya, Kg Sungai Ayam Myk Beku, Johor	20 25
	30/5/2012	Kg Selai Bekok, Johor	
	30/5/2012	Mesyuarat Koperasi Penanam Sawit Mampan, Dungun, Terengganu	14 30
	31/5/2012	Kg Kemidak Bekok, Johor	100
	14/6/2012	Rh. Insin, Sg Selajin Sibuti, Sarawak	25
	21/6/2012	Dewan Masyarakat Kabong, Sarawak	28
	4/7/2012	Rh. Usip Rimong, Kanowit, Sarawak	100
	7/7/2012	Balai Raya Kampung Parit Bingan Tengah, Parit Raja, Johor	20
	12/7/2012	Mesyuarat Koperasi Penanam Sawit Mampan, Marudi, Bakong, Sarawak	38 200
	12/7/2012	Rh. Limbang, Sg. Saeh, Sarawak	
	16/7/2012	Bilik Kuliah Kompleks Bimbingan Usahawan Tani, Pagoh	50 50
	18/7/2012	Mesyuarat Koperasi Penanam Sawit Mampan, Kuala Langat, Selangor	50 50
	18/7/2012	Rh. Malang Mukah, Mukah, Sarawak	
19/7/2012	Kg Debak, Bentong, Sarawak		
25-27/7/2012	Limbang, Sarawak		
27/7/2012	Rh. Usit Rimong, Kanowit, Sabah		
<b>Kursus Sehari Sawit</b>	10/5/2012	Dewan Orang Ramai Kg Sungai Besar, Kota Setia, Perak	50
<b>Kursus Sehari bersama Ahli kelab 30 Tan</b>	7/6/2012	Dewan SMK Tungku Lahad Datu, Sabah	200
<b>Lawatan Sambil Belajar</b>	5/6/2012	Kilang FELDA Sungai Tenggi Selatan, Kuala Kubu Baru, Selangor	35
	5/7/2012	CCM Fertilizers Sdn Bhd dan Pusat Maklumat Sawit, MPOB Bangi, Selangor	42
<b>Program bersama Pemimpin</b>	16/7/2012	Dewan Masyarakat Ranau, Sabah	641
	19/7/2012	Dewan Masyarakat Keningau, Sabah	500
<b>Program Jom Guna Cantas</b>	7/7/2012	Premis Peniaga Buah Hj Saroji Sdn Bhd, Kuala Selangor, Selangor	50
<b>Program 1 Malaysia</b>	19/5/2012	Masjid Jamek Sabak Bernam, Selangor	100
	16/6/2012	Stadium Astaka Sitiawan, Perak	200
<b>Program Mini MAHA</b>	31/5, 3-6/2012	Padang Astaka, Tanjung Karang, Selangor	170
<b>Program Hello Komoditi</b>	10/5/2012	Dewan Masyarakat Tamparuli, Sabah	400

# Berita Bergambar



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (dua dari kiri) mendengar penerangan Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB (kanan) semasa melawat gerai pameran MPOB sempena program Hello Komoditi di Tamparuli, Sabah pada 12 Mei 2012.

Pegawai TUNAS memberi penerangan kepada Ahli Lembaga Koperasi Penanam Sawit Mampan Kuala Selangor Selatan Berhad mengenai pengedaran buah sawit di kilang sempena lawatan ke Kilang Felda Sungai Tenggi Selatan, Kuala Kubu Baru, Selangor pada 5 Jun 2012.



Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia (tengah) menunjukkan isyarat bagus semasa merasmikan program Jelajah Janji Ditepati peringkat Negeri Perak di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Kamunting, Perak pada 17 Jun 2012. Turut sama ialah Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak (kiri).



Dato' Hamzah Zainudin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tengah) bergambar bersama para peneroka yang menerima cek sempena Majlis Penyampaian Cek Rayuan Skim Intensif Tanam Semula (SITS) kepada peneroka FELDA Lembah Klau dan FELDA Tersang 1 di Raub, Pahang pada 2 Julai 2012.





Ahli Lembaga Koperasi Penanam Sawit Maman Teluk Intan Berhad dan peserta TSSPK Mukim Durian Sebatang, Changkat Jong, Perak bergambar kenangan sempena lawatan sambil belajar ke Kilang CCM Fertilizers Sdn Bhd di Shah Alam, Selangor pada 5 Julai 2012.

Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia (kanan) sedang mencuba Roller Picker, teknologi ciptaan MPOB yang dipamerkan sempena Program Jelajah Janji Ditepati peringkat Negeri Selangor bertempat di Padang Kawad LHDN, Teras Jernang, Bandar Baru Bangi, pada 8 Julai 2012.



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tengah) menyampaikan Cantas kepada pekebun kecil yang memenangi hadiah cabutan bertuah sempena Majlis Perasmian Kempen Pensijilan Kebun Pekebun Kecil Sawit Daerah Ranau, Sabah pada 16 Julai 2012. Turut kelihatan (dua dari kanan) Dr Ahmad Kushairi Din, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB.

Hj Saroji Tijan selaku tuan rumah, (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada pekebun kecil, Gan Kim Tek (tiga dari kiri) sempena Program Jom Guna Cantas yang diadakan di Premis Peniaga Buah Hj Saroji Sdn Bhd, Kuala Selangor, Selangor pada 16 Julai 2012. Turut kelihatan (dua dari kanan) Hj Ahmad Sidek Stroo, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB.



# PROFIL KOMODITI

MEI-OGOS 2012

Unjuran pengeluaran minyak sawit Malaysia (MSM) bagi tempoh masa Mei-Ogos 2012 menunjukkan tahap pengeluaran yang lebih rendah berbanding tempoh masa yang sama pada 2011. Pengeluaran MSM diunjurkan pada 3.52 juta tan bagi tempoh masa Mei-Ogos 2012 iaitu berkurangan sebanyak 8.0% berbanding 3.82 juta tan pada tempoh masa yang sama pada 2011 (*Jadual 1*).

198 101 t berbanding 315 816 t pada Jun 2012, (atau berkurangan sebanyak 37.3%). Eksport minyak sawit ke India juga telah menurun dengan ketara pada Julai 2012 kepada 172 606 t berbanding 284 135 t pada Jun 2012 iaitu berlaku pengurangan sebanyak 39.3%.

**JADUAL 1. PENGELUARAN MSM MEI-OGOS 2011/2012 (JUTA TAN)**

Wilayah	Mei		Jun		Julai		Ogos		Jumlah		Beza (%)
	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012*	2011	2012*	
Semenanjung	0.97	0.77	0.96	0.84	0.97	0.99	0.92	0.92	3.82	3.52	-8.0
Sabah	0.54	0.40	0.57	0.41	0.55	0.44	0.50	0.43	2.16	1.68	-22.5
Sarawak	0.23	0.22	0.23	0.22	0.24	0.26	0.24	0.24	0.94	0.94	0.00
Malaysia	1.74	1.39	1.76	1.47	1.76	1.69	1.66	1.58	6.92	6.13	-11.4

Nota: \* Nilai unjuran.

Faktor utama pengurangan pengeluaran MSM pada Mei-Ogos 2012 berbanding tahun 2011 adalah disebabkan oleh pengurangan pengeluaran MSM yang ketara di Semenanjung dan Sabah. Contohnya, pada Mei 2012 pengeluaran MSM di Semenanjung hanya 0.77 juta tan berbanding 0.97 juta tan pada 2011 iaitu berkurangan sebanyak 20.6%. Bagi wilayah Sabah pula, pengeluaran MSM pada Mei 2012 telah berkurangan sebanyak 26.0% berbanding tempoh masa yang sama pada 2011.

